



Fakulti Seni Gemam Dan Kreatif

**PENGURUSAN SENI ALAT MUZIK TRADISIONAL DI JABATAN
KESENIAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI KELANTAN (JKKN)**

Norsyazwani Yusra Binti Che Hamid

(31962)

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Pengurusan Seni)**

2014

**PENGURUSAN SENI ALAT MUZIK TRADISIONAL DI JABATAN KESENIAN DAN
KEBUDAYAAN NEGERI KELANTAN (JKKN)**

NORSYAZWANI YUSRA BINTI CHE HAMID

31962

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the ...**20**.....day of.....**June**.....2014.

Student's Declaration:

I **Norsyazwani Yusra Binti Che Hamid (31962) Faculty Of Applied And Creative Arts**
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the
work entitled **Pengurusan Seni Alat Muzik Tradisional di JKKN Kelantan**

..... is my original work. I have not copied from any other students' work or
from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the
text, nor has any part been written for me by another person.

20 JUNE 2014

Norsyazwani Yusra Bt Che Hamid (31962)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I – **Dr. Anna Durin** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled **Pengurusan
Seni Alat-alat Muzik Tradisional di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Kelantan**
(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a *
partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of
..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the
best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____ Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

Management of Traditional Musical Arts in the Department of Arts and Culture in Kelantan. Lot1993, Section 49, Tanjung Chat 15200, Kota Bharu Kelantan

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengurusan Seni Alat Muzik Tradisional di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan** telah disediakan oleh **Norsyazwani Yusra Bt Che Hamid** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif untuk memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Dr. Anna Durin)

Tarikh:

.....

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr. Anna Durin, yang merupakan seorang penyelia tesis ini dan telah banyak membantu serta memberi bimbingan yang amat bernilai sepanjang proses penyiapan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan dan menyumbangkan data-data yang berguna, terutama kepada pihak-pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan serta tidak lupa juga kepada kawan-kawan seperjuangan dalam memberi maklumat dan pandangan terhadap kajian ini.

Proses penyiapan tesis ini juga telah memberikan tekanan tambahan bagi keluarga saya. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Che Hamid Bin Che Ngah dan Siti Meriam Binti Safie dan adik-beradik saya, dalam memberi sokongan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya.

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Pengurusan Seni Alat Muzik Tradisional di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan yang baik untuk alat muzik tradisional seperti peranan pengarah, sumber manusia dan sumber kewangan. di Negeri Kelantan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti alat-alat muzik tradisional serta fungsi-fungsinya seperti peralatan, cara pembuatan dan sistem pengurusan dari segi sumber manusia dan kewangan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan pendokumentasian. Hasil daripada kajian tersebut telah membuktikan bahawa JKKN Kelantan mempunyai pengurusan seni alat muzik tradisional yang baik seperti sumber kewangan, sumber manusia dan pentadbiran.

ABSTRACT

This research is about Management of Traditional Musical Arts in the Department of Arts and Culture is good for traditional instruments such as the role of director, human resources and financial resources at Kelantan. The objective of this study is to identify traditional musical instruments as well as functions such as equipment, means of production and management systems in terms of human and financial resources. The research method used is a qualitative method of observation, interviews and documentation. The results of these studies have shown that JKKN of Kelantan has traditional musical arts management such as financial resources, human resources and administration.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	M/SURAT
Surat Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Isi Kandungan	v-viii
 BAB SATU PENGENALAN	
Pengenalan	1-2
Latar Belakang	2-8
Permasalahan Kajian	8
Objektif Kajian	8-9
Lokasi Kajian	9-10
Kerangka Kajian	10-16

Skop Kajian	16
Rumusan	17
Hipotesis	17-18

BAB DUA SOROTAN KESUSASTERAAN

Pengenalan	19
Definisi Alat Muzik	20-21
Pengaruh Alat Muzik Tradisional	21-23
Keunikan Alat Muzik	23-26
Konsep Kesenian	27-28
Pembuatan Alat Muzik	29
Penggunaan Alat Muzik	30-33
Kesimpulan	33

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	34
------------	----

Kaedah Pemerhatian	34
Kaedah Temubual	35-36
Kaedah Dokumentasi Atau Catatan	36-37

BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN

Pengenalan	38-39
Pengenalan Alat Muzik	39
Mengenalpasti Alat Muzik	40-48
Peralatan Yang Digunakan	48-50
Ukuran Kayu Untuk Menghasilkan Alat Muzik	50-52
Fungsi Alat Muzik Tradisional	52-53
Peranan Pengarah di JKKN	54-56
Matlamat Pengurusan	56-57
Sistem Pengurusan	58
Fungsi Pengurusan	59-60
Perancangan Pengurusan	61-64

Sumber Kewangan	64-67
Pengurusan Penjagaan	67-69
Keselamatan	69-70
Pengurusan Sumber Manusia	70-72

BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan	73-78
Cadangan	78-79
Rujukan	80-81
Lampiran	81-85

BAB SATU

Pengurusan Seni Alat Muzik Tradisional Di Jabatan Seni Kebudayaan dan Kesenian Kelantan

Pengenalan

Kajian yang di kaji tentang pengurusan seni alat muzik tradisional di JKKN Kelantan. Antara perkara yang dikaji ialah mengenalpasti alat muzik tradisional yang terdapat di JKKN Kelantan dan fungsi-fungsi alat muzik tradisional dengan lebih mendalam. Disamping itu juga, mengkaji pengurusan dari segi sumber manusia dan kewangan.

Selain itu, penyelidik akan mengkaji setiap pengurusan seni alat muzik yang terdapat dalam JKKN Kelantan. Sistem pengurusan yang terdapat di JKKN Kelantan sepenuhnya diurus oleh pengarah dengan melakukan proses perancangan terlebih terdahulu. Seni alat muzik tradisional juga mempunyai fungsi semasa JKKN Kelantan melakukan aktiviti kesenian seperti pementasan teater makyong, wayang kulit dan sebagainya. Alat muzik tradisional yang terdapat di JKKN Kelantan antaranya Gong, Kompang, Rebana ibu dan anak, Serunai dan lain-lain. Secara tidak lansung, alat muzik tradisional yang dipamerkan di JKKN Kelantan akan dapat memberikan maklumat berkaitan dengan kebudayaan melayu yang terdapat di Kelantan yang boleh dijadikan ilmu pengetahuan.

Disamping itu, setiap alat muzik tradisional yang terdapat di JKKN Kelantan mempunyai kaedah atau sistem-sistem pengurusan yang perlu dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini menfokuskan pada pengurusan yang terdapat di JKKN Kelantan. Antara pengurusan yang terdapat semasa menguruskan alat muzik tradisional di JKKN Kelantan ialah sistem pengurusan dari segi sumber manusia serta kewangan. Selain itu, mengenalpasti alat muzik tradisional dan fungsi alat muzik tersebut.

Latar Belakang Kajian

Sejarah alat muzik telah bermula sejak manusia zaman purba lagi yang memperlihatkan alat muzik berfungsi sebagai fenomena cara hidup yang berkaitan rapat dengan aspek masyarakat dan budaya termasuk sistem kepercayaan, sturuktur sosial dan aktiviti ekonomi. Berdasarkan habitat dan perilaku manusia sejagat yang bersifat universal, alat muzik diilhamkan berdasarkan pemerhatian alam sekeliling dan mengsploitasi bahan-bahan mentah dari sumber alam untuk dijadikan alat. Bermula dari sistem yang mudah seperti tepukan tangan, hentakan kaki, siulan, (di kenali sebagai *bodyders sounder*), ketukan kayu dan sebagainya alat muzik ini secara evolusi menuju ke satu tahap yang lebih kompleks dan kompetitif. Kini dahulunya alatan muzik adalah dari bahan asas seperti logam, batu, buluh, kulit dan sebagainya kini teknologi tradisional yang selalu dikaitkan dengan kepercayaan dan unsur semangat alam sering menggunakan alat muzik sebagai alat hiburan, pemujaan upacara khas dan suci, di samping mempunyai nilai-nilai estetik dan bersifat therapeutic. Justeru itu muzik

merupakan satu luahan perasaan dan escapism bagi menghasilkan cetusan emosi yang membawa kepada keseronokkan, kekuatan semangat, merehatkan minda dan ketenangan jiwa, malahan luahan perasaan suka duka oleh seseorang. Jelaslah muzik merupakan komunikasi sosial dan fenomena budaya yang penting dalam mencerminkan masyarakat yang mencipta dan melahirkannya.

Di Malaysia, agak sukar membezakan diantara muzik tradisional dan moden melainkan teori yang mengaitkan pertembungan budaya Barat di akhir abad ke 19 telah memisahkan kedua-dua pihak ini. Hal ini, memandangkan muzik tradisional adalah gabungan beberapa kebudayaan di Nusantara ini termasuklah dari Timur Tengah, China dan India. Disesuaikan dengan kehendak tempatan dan kemudiannya dikembangkan secara meluas di kalangan masyarakat tempatan, maka satu formula baru ditemui hasil proses akulturasi budaya dan akhirnya digunakan pakai sebagai kebudayaan seni tempatan.

Melalui sistem pembelajaran tidak formal yakni berdasarkan kepada keturunan, pengalaman, ingatan dan ikutan maka dunia muzik Negara ini secara tradisi, mengiringi tarian, nyayian, persembahan, tradisi lisan, upacara ritual dan sebagainya. Malahan corak muzik mampu mentafsirkan stratafikasi sosial di antara golongan atasan dan bawahan. Pendek kata pada hari ini, perkembangan muzik tempatan merupakan satu adunan unsur tempatan dan luar yang menjadi *cultural expression* yang membentuk satu kesatuan mengikut kesesuaian masyarakat negara ini.

Di Malaysia, bukti peralatan muzik ini boleh didapati melalui kerja-kerja arkeologi terutama kaitan di antara Dunia Melayu dan Indochina. Jumpaan –jumpaan seperti gendang gangsa(Dongson) dan genta di Kelang, Tembeling dan Johor menunjukkan alat muzik yang kompleks dan bermutu tinggi telah lama bertapak di negara ini. Namun yang pasti, di setiap negeri di Malaysia, terdapat berbagai- bagai bentuk dan jenis alat muzik yang telah diciptakan, diguna dan diwarisi sejak berkurun- kurun lamanya melalui satu generasi ke generasi seterusnya.

Peta Kelantan



Rajah 1 : Peta Kelantan

(Sumber: <http://kalam82.tripod.com/id6.html>)

Sejarah Negeri Kelantan

Negeri Kelantan Darul Naim, negeri yang terletak ditimur semenanjung Malaysia. Negeri Kelantan juga dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang, Negeri ini bersempadan dengan Negara Thailand. Keluasan Negeri Kelantan ialah 14,943 kilometer persegi. Kota baru ialah ibu negeri Kelantan dan Kelantan dapat dibahagikan kepada sepuluh jajahan iaitu Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Ulu Kelantan, Jeli dan Gua Musang. Jumlah penduduk Negeri Kelantan kira-kira dalam 72,000 orang, penduduknya mempunyai pelbagai corak hidup yang berbeza dan penduduknya berbilang kaum tetapi kaum melayu mempunyai jumlah terbesar dinegeri Kelantan (Mustafa Ali Mohammad,1987,5). Kelantan adalah salah sebuah negeri yang kaya dengan keaslian kesenian kebudayaan tradisional, antara yang terdapat di Kelantan ialah Dikir Barat, Main Puteri, Wayang Kulit, Mak yong, Menora dan sebagainya.

Negeri Kelantan merupakan salah satu daripada negeri yang tertua di Malaysia mengikut sejarah, kerajaan melayu wujud pada sekitar abad ke-15 Masihi tetapi Kelantan telah pun wujud sebelum itu lagi. Kelantan negeri yang wujud pada sekitar abad ke-13 Masihi sebagaimana yang telah dibuktikan oleh keterangan penulis atau pengembara bangsa cina yang mana , *Chau Ju-Kua* yang menyebut pada tahun 1225 Masihi negeri Kelantan telah ditakluk oleh kerajaan Vijaya. Bukti penulisan ini

menyokong lagi kewujudan Kelantan sebagai negeri yang lama dan lebih awal daripada Melaka (Tuan Anker Rentse,1934:47).

Namun begitu, sejarah Kelantan Tua sedikit membingungkan para pengkaji sejarah kerana namanya sering bertukar. Pada abad pertama masihi ia dikenali sebagai Medan Gana, Nusa Medan atau Medan. Menghampiri abad kedua kawasan-kawasan dari Segenting Kera hingga ke semenanjung diberi nama umum sebagai Yawadwipa atau kawasan jawa. Pada abad ke-2 Masihi Negara Medan Gana berubah nama kepada kunjarakunja bermaksud Cerang Gajah atau Cerang Gajah atau Cerang Besar, dikenali sebagai penghijauan Besar dalam riwayat tradisi ia disebut sebagai selebar daun.

Sejarah JKKN di Kelantan



Rajah 2: Kebudayaan dan Kesenian di JKKN Kelantan

(Sumber: <http://muhammadismailibrahim.wordpress.com/2011/04/29/jabatan-kebudayaan-kesenian-negeri-kelantan/>)

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Kelantan telah siap dibina beberapa tahun yang lalu terletak bersebelahan dengan QueensPark SportzCity & Boulevard dan di hadapan Taman Perbandaran Tengku Anis di Tanjung Chat, Pengkalan Chepa, kira-kira 5 kilometer dari pusat bandar Kota Bharu Kelantan.

Dasar Pelancongan Negeri Kelantan menekankan aspek-aspek pembangunan insan, ekonomi, budaya dan alam sekitar yang bertunjangkan Islam sebagai ad-din. Bagi mencapai matlamat ini, Pelan Induk dan Pelan Tindakan akan dilaksanakan dalam rangkaian industri pelancongan di semua peringkat dan kawasan.

Permasalahan Kajian

Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Kelantan memiliki beberapa jenis alat muzik tradisional Melayu. Alat Muzik tradisional yang terdapat di JKKN Kelantan dipamerkan bertujuan memberikan maklumat kepada pengunjung yang ingin mengetahui tentang fungsi-fungsi alat muzik yang digunakan dalam persembahan kebudayaan. Justeru itu, JKKN Kelantan mempunyai sistem pengurusan seni alat muzik tradisional dari segi sumber manusia, kewangan, dan pentadbiran yang dapat membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat yang berkenaan. Isu kajian ini adalah mengenai pengurusan seni alat muzik tradisional di JKKN Kelantan.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menetapkan matlamat kajian yang dilakukan mengenai pengurusan seni alat muzik tradisional di JKKN Kelantan. Tambahan lagi

objektif kajian adalah salah satu perkara yang amat penting kepada penyelidik untuk memulakan kajian. Antara objektif kajian adalah:

1. Mengenalpasti seni alat-alat muzik tradisional di JKKN Kelantan dan fungsi-fungsi.
2. Mengkaji tentang sistem pengurusan alat-alat muzik tradisional di JKKN Kelantan seperti sumber manusia dan kewangan

Lokasi Kajian

Lokasi adalah amat penting dalam melakukan sesuatu kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik . Selain itu, dalam kajian ini pengurusan alat muzik tradisional merupakan tumpuan utama penyelidik. Melalui lokasi kajian pengkaji dapat mengumpul segala maklumat dengan mudah dan tepat mengikut atas kesesuaian tajuk yang dipilih.

Kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah pengurusan tentang sistem pengurusan alat-alat muzik dari segi sumber manusia, kewangan dan mengenalpasti seni alat muzik tradisional di JKKN Kelantan. Secara tidak langsung juga pengurusan yang bijak dapat memberikan pandangan yang positif dalam menentukan segala alat muzik tradisional berada dalam keadaan terjaga dan tidak mengalami sebarang masalah.

Melalui lokasi kajian dipilih kerana bersesuaian dengan kajian yang dikaji dan untuk mendapatkan data primer bagi memperoleh lebih banyak informasi tentang kajian yang dikaji. Dengan adanya lokasi kajian data primer dapat diperolehi dengan mudah. Data primer yang di maksudkan ialah berkaitan dengan pengurusan seni alat muzik tradisional tersebut iaitu dari segi kaedah pengurusan sumber manusia, kewangan dan mengenalpasti alat muzik serta fungsi-fungsi seni alat muzik tradisional di JKKN Kelantan.

Kerangka Kajian

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual teoritikal yang diambil daripada pendapat-pendapat pengkaji-pengkaji masa lampau. Konsep teori tersebut berkaitan dengan pengurusan sebab kajian ini tentang pengurusan seni alat muzik tradisional. Oleh hal yang demikian konsep yang dipilih adalah sesuai digunakan sebagai panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya untuk mencapai objektif-objektif kajian ini. Beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan di bawah ini seperti perancangan, pengurusan, fungsi sesuatu organisasi atau institusi.

Sumber Kewangan

Menurut Robin & Mukerji (1990 : 6) menyatakan bahawa sumber kewangan adalah salah satu sumber yang penting dalam sebuah organisasi pengurusan. Sesebuah organisasi pengurusan sumber kewangan memainkan peranan yang penting dalam mencapai pengurusan yang berkesan.

Keberkesanan Pengurusan

Robin & Mukerji (1990 : 7) menyatakan keberkesanan (*effectiveness*) adalah sangat penting dalam bidang pengurusan. Hal ini dapat dilihat melalui ketika menjalankan tugas samada berjaya ataupun tidak semasa kerja dijalankan. Ia bergantung pada kecekapan seseorang pengurus sesebuah organisasi.

Fungsi Pengurusan

Hersey (1998 : 6), menyatakan bahawa fungsi pengurusan adalah merancang, menyusun, motivasi dan mengawal adalah salah satu perbincangan antara pengurus. Hal ini adalah untuk melihat proses pengurusan dari semasa ke semasa tidak mengira organisasi yang tertentu.

Robin (1990 : 7) fungsi pengurusan adalah untuk memastikan segala program yang dilakukan diselesaikan dengan berjaya melalui perhubungan dengan pihak lain. Terdapat beberapa fungsi utama dalam sesebuah pengurusan, antaranya perancangan, menyusun dan kepimpinan.

Disamping itu, menurut Sabri Hj. Hussin (2004 : 3 and 5), sistem pengurusan ialah suatu proses merancang, mengorganisasi dan memimpin, pengstafan dan pengawasan. Di dalam pengurusan perancangan dan membuat keputusan adalah fungsi pertama pengurusan dan ia amat penting dalam melakukan hal yang berkaitan dengan pengurusan.

Manakala merancang pula merupakan proses yang melibatkan penentuan matlamat serta merancang aktiviti tentang kaedah-kaedah untuk mencapai sesebuah matlamat tersebut. Seterusnya mengorganisasi ialah kaedah pengurusan yang melibatkan penyusunan, ia juga berperanan mewujudkan hubungan secara berautoriti di dalam organisasi dan mencipta struktur organisasi. Pengurus diperlukan sebagai ketua pemimpin dalam organisasi dan dengan tanggungjawab yang diberikan kepimpinannya akan lebih berkesan. Manakala mengarah pula adalah fungsi pengurusan yang membekalkan pimpinan seseorang didalam organisasi untuk mencapai suasana kerja yang baik, dan merancang peluang yang boleh memotivasikan pekerja di dalam organisasi tertentu. Selain itu, proses pengstafan mengekalkan pekerja yang terbaik di dalam bidang masing-masing dan akan membantu mencapai misi organisasi tersebut.